

Runding harga rendah

■ **KPDNKK jumpa persatuan peniaga bincang tangani kos hidup**

Oleh Mohd Husni Mohd Noor

mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan mengadakan sesi rundingan dan pertemuan dengan pelbagai peringkat persatuan perniagaan bagi memastikan pengguna mendapat harga barangan lebih rendah di pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, seperti tahun sebelumnya, kementerian terus mengadakan sesi rundingan mem-babitkan persatuan perniagaan, pengeluar, pembekal, pemborong, pengimport dan pengusaha perkhidmatan.

Beliau berkata, sesi itu di-jangka berlangsung selepas selesai mesyuarat peringkat tertinggi bagi menangani kos sara hidup yang akan di-pengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada Jumaat ini.

“Sesi rundingan dan per-temuan ini penting bagi me-mastikan pengguna menda-pat harga barangan dan caj perkhidmatan yang lebih rendah di pasaran,” katanya selepas menyampaikan amanat Tahun Baru 2016 dan perhimpunan bulanan, di si-ni, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Ke-



HAMZAH (kanan) bersama hadirin perjumpaan bulanan, semalam.

penggunaan Datuk Seri Ah-mad Bashah Md Hanipah dan Ketua Setiausaha Ke-menterian Datuk Seri Alias Ahmad.

Katanya, sesi itu penting memandangkan negara kini berdepan dengan kelemba-pan ekonomi global.

Hamzah berkata, sesi itu akan menjadi platform bagi mengumpul masalah dan kesukaran dihadapi peniaga dan pengguna.

Menurutnya, kementerian mahu membantu rakyat bu-kan saja dari aspek mengu-rangkan harga barang, ma-lah memikirkan kaedah dan penyelesaian bagi menanga-ni permasalahan yang

membelenggu pengguna.

“Tahun lalu, KPDNKK bertemu dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta beberapa persatuan peng-guna, malah mereka me-nyerahkan memorandum mengenai pelbagai isu.

“Menerusi mesyuarat yang bakal diadakan nanti kita mengumpulkan semua (NGO, persatuan, pengguna) supaya mereka mengutara-kan pendapat atau ketidak-puasan hati,” katanya.

Katanya, kementerian membawa cadangan dan memorandum berkenaan untuk dibentangkan pada mesyuarat peringkat ter-tinggi pada Jumaat ini.

Hamzah berkata, pihak-nya akan memperkukuhkan aspek penguatkuasaan, se-lain membantu menyena-raikan produk tulen dan harga patut di pasaran.

“Sebagai contoh, kami menyenaraikan harga tele-fon mudah alih di pasaran berserta model dan penge-dar sah bagi mengelak peng-guna tertipu,” katanya.

Hamzah berkata, beliau mahu NGO faham mengenai tugas kementerian serta ti-dak mengambil tindakan menyalahi undang-undang.

“Saya difahamkan ada NGO menggunakan kelesi-han dan platform dimiliki,” katanya.